

Tak sedar diri dua hari

BH
27/1/2015
MIS 19

» Mangsa denggi terpaksa disuntik magnesium untuk tingkat kepekatan darah



Oleh Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

“Seksma ketika diserang demam denggi bukan saja menyebabkan seluruh tubuh tidak bermaya, malah saya tidak sedarkan diri selama dua hari”.

Demikian cerita seorang kakitangan swasta, Norshazreen Sabirin (gambar), 24, mengenai pengalamannya menghidap demam denggi di kediamannya di Seksyen 7, Shah Alam, Jun tahun lalu.

Beliau berkata, jangkitan wabak berkenaan juga hampir ‘melumpuhkan’ tubuhnya apabila hanya mampu baring di atas katil selama beberapa hari selepas tidak berdaya bangun.

“Pada mulanya, saya hanya pening dan muntah.

“Selepas itu, saya diserang demam panas hingga tidak mampu bangun selama dua hari sebelum terus tidak sedarkan diri pada hari ketiga kerana terlalu lemah.

Ditahan di wad kecemasan

“Ibu dan rakan membawa saya ke klinik sebelum dirujuk ke Hospital Serdang dan terpaksa ditahan di wad kecemasan selama empat hari.

“Saya kembali sedar pada hari kedua di wad. Seluruh badan, sendi dan tulang terasa sakit seperti dicucuk,” katanya.



INFO

Maklumat denggi harian sehingga 25 Januari 2015



Negeri	Jumlah kes harian	Jumlah kes terkumpul
Johor	27	513
Kedah	2	81
Kelantan	5	191
Melaka	10	178
Negeri Sembilan	3	135
Pahang	9	282
Perak	31	1,114
Perlis	0	28
Pulau Pinang	18	416
Sabah	9	213
Sarawak	16	256
Selangor	117	4,801
Terengganu	11	122
WP Kuala Lumpur	35	457
WP Labuan	0	0
WP Putrajaya	0	8
Jumlah kes:	293	Jumlah lokality wabak: 8,795

Norshazreen berkata, sebanyak 12 botol air dimasukkan ke dalam tubuhnya ketika dirawat di wad, selain badannya terpaksa dimasukkan dengan magnesium bagi menambah kepekatan darah.

“Magnesium yang dimasukkan

dalam badan berbeza dengan air kerana rasanya sangat sakit, selain dapat merasai dengan jelas ketika ia masuk ke dalam urat. Alhamdulillah, saya semakin pulih selepas hampir seminggu dirawat.

“Saya mungkin terkena gigitan Aedes ketika keluar makan pada waktu senja di kawasan kediaman. Kejadian ini membuatkan saya serik untuk keluar pada waktu berkenaan sehingga hari ini,” katanya.